



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 ( 9 )

Tarikh: 1 November 2012

## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN PAKAIAN SERAGAM PENGUATKUASA PPSPPA

Putrajaya, 01 November 2012 – Selaras dengan penguatkuasaan Akta Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) pada 1 September 2011 yang lalu, PPSPPA kini telah mengambilalih tugas-tugas yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum ini iaitu memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih sistematik dan seterusnya mencapai objektif menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, sihat dan selamat. Penubuhan Perbadanan bertujuan untuk memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien, bersepadu di samping memberikan perkhidmatan dan kepuasan yang lebih baik kepada masyarakat.

Perbadanan kini mempunyai seramai 575 orang anggota Penguatkuasa yang terdiri daripada 509 orang Pembantu Penguatkuasa, 18 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa dan 48 orang Pegawai Penguatkuasa yang ditempatkan di 38 buah cawangan di 9 buah negeri di seluruh Semenanjung Malaysia yang telah menerima Akta 672. Untuk memastikan kewujudan Anggota Penguatkuasa Perbadanan diketahui umum, pakaian seragam disediakan sebagai satu kemudahan dan kelengkapan dalam pelaksanaan tugas-tugas pemantauan di lapangan. Hal ini secara langsung akan dapat meningkatkan integriti semua anggota penguatkuasa semasa menjalankan tugas.

Anggota penguatkuasa merupakan kumpulan yang paling hampir dengan masyarakat dan berperanan dalam membantu meningkatkan kesedaran orang awam atau masyarakat mengenai kaedah pengurusan sisa pepejal yang betul. Bagi meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan, semua anggota penguatkuasa juga telah dilatih dan dibekalkan dengan peralatan 'Handheld' yang mengandungi teknologi *Intelligent Monitoring An Enforcement Management System (i-Mems)*. Sistem ini digunakan bagi aktiviti pemantauan dan tindakan pembetulan terhadap ketidakpatuhan Kekunci Petunjuk Prestasi (KPI) yang berlaku di lapangan. Oleh itu, semua ketidakpatuhan yang berlaku akan dapat diselesaikan dalam kadar segera. Penggunaan sistem ini juga dapat merekod kedudukan dan waktu ketidakpatuhan yang telah dilakukan oleh syarikat konsesi bagi memastikan ketelusan dalam setiap pemantauan yang dilakukan oleh anggota penguatkuasa Perbadanan.

Semua anggota penguatkuasa adalah bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau syarikat konsesi yang menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Perbadanan juga telah menyediakan Garis Panduan Pemantauan Operasi Syarikat Konsesi Bagi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi. Dalam Garis Panduan ini telah menetapkan 24 KPI Primer dan 54 KPI Sekunder yang bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang diberikan oleh syarikat konsesi dapat memenuhi piawai dan kualiti kerja yang ditetapkan. Selain itu juga, sistem yang seragam dapat diwujudkan bagi penilaian dan pemantauan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi. Anggota penguatkuasa juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan dan kawal selia sisa pepejal dan pembersihan di kawasan-kawasan yang telah ditetapkan bagi memastikan kebersihan dapat dijaga dengan baik.

Dengan pelaksanaan Akta 672 yang memberi kuasa kepada Perbadanan dalam pemantauan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diharapkan dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan. Namun demikian, usaha ini memerlukan kerjasama yang jitu dari semua pihak. Sebarang aduan berkaitan Sampah-Longkang-Rumput boleh menghubungi talian nombor 1-800-88-7472 dan setiap aduan akan diambil tindakan segera.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)